

Bekas Timbalan Presiden MIC, Subramaniam Pulang Ke Rumah Ekoran Pembedahan Otak
Bernama
19 Januari, 2012

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Bekas Timbalan Presiden MIC, Datuk S. Subramaniam, 67, yang menjalani pembedahan otak November lalu, telah dibenarkan pulang dari Pusat Perubatan Gleneagles, Ampang.

R Balakrishnan, yang merupakan bekas setiausaha dan rakan rapatnya berkata para doktor mencadangkan agar Subramaniam dibenarkan berada di dalam suasana rumah bagi membolehkannya pulih dengan lebih cepat selepas berada di hospital selama dua bulan.

Beliau berkata ahli politik veteran itu lebih sihat sekarang selepas menjalani fisioterapi.

"Beliau sudah boleh membuka mata dan menggerakkan tangan dan jarinya," katanya kepada Bernama ketika dihubungi Khamis.

Subramaniam dimasukkan ke Pusat Perubatan Pantai di sini pada 12 Nov lalu selepas dilaporkan tidak sihat dan telah menjalani pembedahan otak.

Beliau kemudian dipindahkan ke Pusat Perubatan Gleneagles pada penghujung Disember untuk menjalani fisioterapi.

Subramaniam merupakan Anggota Parlimen Segamat dari 1990 hingga 2004 dan merupakan bekas timbalan menteri di beberapa kementerian.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=641237>